

19/08/1998

Malaysia bakal pusat industri mesin runcitan

Hatipah Ahmad

KERAJAAN bercadang menjadikan Malaysia sebagai pusat industri mesin runcitan yang utama di Asia dalam beberapa tahun lagi kerana negara ini mempunyai banyak faktor daya saing seperti pasaran dan peluang kerjasama dengan syarikat terkemuka.

Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mustapa Mohamed, berkata langkah itu adalah permulaan yang baik kepada industri itu kerana ia berupaya menyumbang secara positif kepada industri runcit tempatan keseluruhannya.

Walaupun ketika ini, industri mesin runcitan sudah bertapak di Malaysia tetapi ia masih dalam skala kecil termasuk dalam jualan runcit, perbankan dan perkhidmatan.

Katanya, antara segmen mesin runcitan yang popular di Malaysia ialah dalam jualan runcit seperti makanan, minuman, buah-buahan, snek dan perkhidmatan. Ketika ini, sudah ada kira-kira 8,000 mesin di seluruh negara.

Daripada jumlah ini, kira-kira 6,000 mesin runcitan dimiliki oleh syarikat minuman Coca-Cola.

"Walaupun industri masih baru tetapi kerajaan yakin ia dapat ditingkatkan berdasarkan kelebihan yang ditawarkan.

"Antaranya, penggunaan mesin runcitan ini dapat menjimatkan kos operasi seperti buruh, penyenggaraan dan menjamin persekitaran bersih berbanding operasi biasa," katanya selepas merasmikan Ekspo dan Seminar Industri Mesin Runcitan Asia '98 di Sungai Besi, semalam.

Ekspo dan seminar itu dianjurkan oleh ExpoAge International Sdn Bhd.

Mustapa berkata, peningkatan industri ini dijangka dapat dilaksanakan jika syarikat tempatan mengadakan usaha sama atau perkongsian pintar dengan syarikat antarabangsa bagi mewujudkan iklim peruncitan tempatan yang sesuai dan berdaya saing.

Katanya, ini bermakna, syarikat tempatan perlu bekerjasama dengan syarikat besar untuk membangunkan industri ini untuk membangun atau menghasilkan produk yang mempunyai cita rasa Asia tetapi pada masa sama, menawarkan daya tarikan sejagat.

Menurutnya, industri ini juga memerlukan modal awal yang tinggi dan dengan adanya kerjasama strategik, ia diharap menjadi asas kepada pembangunan industri berkenaan seterusnya.

Sementara itu, Pengerusi ExpoAge, Mirzan Mahathir, berkata industri mesin runcitan dijangka berkembang di Malaysia dalam masa terdekat ini kerana ia memudahkan dan memberi manfaat kepada syarikat.

Katanya, syarikat tempatan perlu mengambil peluang daripada industri ini kerana ia menawarkan pasaran yang besar. Sebagai contoh, pasaran runcitan Asia dianggarkan bernilai hampir RM48.95 bilion (AS\$11.6 bilion).

(END)